

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian kes pemaparan idea dan penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar lembam. Bahasa merupakan satu alat perhubungan yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Melalui bahasa seseorang itu dapat berkomunikasi dengan orang lain untuk menyampaikan perasaan, kehendak, pendapat, pengalaman, buah fikiran, pengetahuan, mendapatkan informasi, menambahkan ilmu pengetahuan, memahami orang lain dan sebagainya sama ada secara lisan mahu pun tulisan. Lantaran itu penguasaan bahasa dan penulisan merupakan satu aspek yang penting dalam proses pembelajaran.

Pengkaji menggunakan sepuluh subjek lembam yang merupakan pelajar-pelajar dari kelas pemulihan Tingkatan Dua. Pengumpulan data berdasarkan 60 buah karangan, temubual secara tidak formal dengan sepuluh responden dan ujian diagnostik. Daripada data yang diperolehi pengkaji membuat penilaian dan perbincangan hasil kajian yang telah dilakukan pada bab empat, didapati responden tidak dapat menyampaikan idea mereka dalam karangan secara teratur ataupun dalam kesatuan idea. Hal ini kerana responden tidak dapat menguasai bahasa dengan sempurna. Tanpa kemahiran bahasa yang baik pemaparan idea dalam karangan tidak dapat dilakukan.

Bab terakhir merupakan kesimpulan dan penutup kepada keseluruhan kajian tesis ini. Kajian ini dapat menggambarkan kesulitan yang dialami oleh pelajar-pelajar lembam dalam mempelajari bahasa Melayu.

ABSTRACT

This research is a case study on the visualization of ideas and language proficiency in the composition produced by slow learners. Language is the most important communication channel for everyone. Through languages, people can communicate with others in order to express feelings, needs, opinions, experiences, ideas, knowledge, to obtain information, gain knowledge, understanding other and so forth both in written and oral form. As such, language proficiency is an important aspect of the learning process.

The study employs ten subjects among Form Two students who are considered slow learners. The data gathered is based on 60 essays formal and informal interviews as well as the diagnostic test. From the data obtained, an evaluation and discussion of the results are presented in chapter 4 and it was found that the respondents cannot deliver their ideas in the written essays properly. This is because the respondent has not mastered the language well. Without proper language skills the visualisation of ideas in essays cannot be done

The last chapter is the conclusion and is the at this thesis. This research has revealed the difficulties faced by slow learners in mastering language Bahasa Melayu.